

15 MAC 2018

Tiga lelaki berdepan tali gantung

8 AKUN NEGARA! SILAS SAM ET CHIAHYI OMEDIA
KOSMO! KHAMIS 15 MAC 2018

Didakwa di Mahkamah Majistret bagi pertuduhan edar dadah seberat 201.3kg

Tiga lelaki berdepan tali gantung

Oleh ATIKAH DALI

MELAKA – Tiga sahabat berdepan hukuman mati selepas dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua pertuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 201.3 kilogram (kg) pada awal bulan ini.

Bagaimanapun, tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada ketiga-tiga tertuduh selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret Mohd. Firdaus Saleh.

Tiga tertuduh tersebut ialah Saw Boon Kee, 34, Kuan Hsieng Sieng, 38, dan Chin Gia Lin, 47.

Mengikut pertuduhan pertama, ketiga-tiga tertuduh didakwa secara bersama mengedar 62.543kg methamphetamine di



BOON KEE (kanan), Hsieng Sieng (tengah) dan Gia Lin (kiri) didakwa atas dua pertuduhan mengedar 201.3 kilogram dadah jenis methamphetamine di Mahkamah Majistret Ayer Keroh semalam.

bagian dapur sebuah rumah di Taman Belia Antarabangsa, Ayer Keroh di sini pada pukul 4 petang, 3 Mac lalu. Mereka turut dituduh mengedar dadah jenis sama berjumlah 188.778kg di dalam stor bawah tangga pada masa, tarikh dan di lokasi yang serupa. Kedua-dua pertuduhan itu

dijalankan mengikut Seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati.

Tiada jaminan dibenarkan terhadap ketiga-tiga tertuduh dan mahkamah menetapkan 23 April ini untuk serahan laporan kimia.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, N. Sivashangari manakala peguam Low Wei Loke mewakili ketiga-tiga tertuduh.

Kosmo! pada 6 Mac lalu melaporkan kejayaan polis menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah selepas me-

nahan tiga lelaki dan merampas 201.3kg bahan terlarang itu yang terbesar setakat ini di Melaka dalam serbuan di sebuah rumah di Ayer Keroh.

Operasi yang dijalankan oleh pasukan Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (STING) Bukit Aman itu menjumpai 193 bungkus teh berisi dadah yang disorokkan di dalam beg pakaian di dapur dan stor rumah berkenaan dipercayai untuk dieksport ke luar negara.

Kesemua dadah yang dirampas itu dianggarkan mencecah nilai RM14.1 juta.

Polis bongkar sindiket edar dadah seberat 201.3kg guna bungkus teh Syabu bernilai RM14.1 juta dirampas

Operasi pengedaran dadah di dalam negeri telah berjaya ditumpaskan oleh pasukan STING Bukit Aman. Tiga anggota sindiket yang terlibat telah ditangkap dan dirampas 201.3kg dadah jenis methamphetamine bernilai RM14.1 juta.

MELAKA – Tiga lelaki berdepan hukuman mati selepas dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua pertuduhan mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 201.3 kilogram (kg) pada awal bulan ini.

Bagaimanapun, tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada ketiga-tiga tertuduh selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret Mohd. Firdaus Saleh.

Tiga tertuduh tersebut ialah Saw Boon Kee, 34, Kuan Hsieng Sieng, 38, dan Chin Gia Lin, 47.

Mengikut pertuduhan pertama, ketiga-tiga tertuduh didakwa secara bersama mengedar 62.543kg methamphetamine di

KERATAN Kosmo! 6 Mac 2018.